

TEKNOLOGI PERSENJATAAN PERSENDIRIAN DALAM SEJARAH KETENTERAAN ISLAM ERA AYYUBI

[PRIVATE ARMAMENTS TECHNOLOGY IN ISLAMIC MILITARY HISTORY DURING AYYUBID ERA]

NOORSAFUAN CHE NOH,¹ EZAD AZRAAI JAMSARI,² MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA¹
ROSLAN AB RAHMAN¹ & ABDUL QAHAR IBRAHIM¹

Received Date: 1 May 2019

Accepted Date: 10 May 2019

Abstrak

Skop kajian aspek ketenteraan dalam Islam merupakan satu aspek yang luas dan mencapah. Kajian ini membincangkan tentang sejarah ketenteraan darat zaman Ayubbi khususnya pada zaman pemerintahan Sultan Salah al-Din al-Ayyubi. Memandangkan skop kajian ketenteraan Ayyubi terlalu luas maka kajian ini akan memberi fokus terhadap teknologi persenjataan persendirian tentera Islam pada zaman Ayyubi. Matlamat kajian ini adalah untuk mengenal pasti teknologi persenjataan persendirian pada zaman Ayyubi, terutama semasa tempoh perang jihad atau perang Salib. Selain itu kajian ini juga akan menganalisis tahap kekuatan penggunaan kelengkapan persenjataan tersebut. Keseluruhan kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kajian kualitatif menerusi metode *historical study* dan *content analysis* seperti penelitian terhadap buku atau kitab yang dikaji. Hasil kajian ini mendapati teknologi persenjataan persendirian tentera Islam zaman Ayyubi mencapai satu tahap yang membanggakan dan ianya dapat mengimbangi dan melepasi teknologi persenjataan yang dimiliki oleh tentera Salib. Hasil daripada kelengkapan persenjataan tersebut, tentera Islam dapat mempertahankan wilayah Islam dari pencerobohan tentera Salib. Selain itu tentera Islam di bawah pimpinan Sultan Salah al-Din telah berjaya merebut kembali Bayt al-Maqdis.

Kata Kunci: Teknologi, Persenjataan Persendirian, Sejarah Ketenteraan Islam, Ayyubi

Abstract

The scope of the military aspects in Islam is one aspect of a broad and divergent. This study discusses the history of military Ayubbi times especially during the reign of Sultan Salah al-Din al-Ayubi. Given the scope of the study is too broad Ayyubid military then this study will focus on the private weapons technology during the Ayyubid Islamic army. The aim of this study was to identify the private weapons technology during the Ayyubid, especially during periods of jihad or crusade. In addition, this study will also analyze the level of power consumption equipment such weapons. Overall this study using qualitative research approach through historical study method and content analysis as research for the book or the book under review. The results showed private military weapons technology Islam Ayyubid

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia

Corresponding Author:

MOHD BORHANUDDIN ZAKARIA, Pusat Pengajian Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: borhanuddin@unisza.edu.my

² Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, Malaysia.

period reached a level to be proud and it can be offset and surpassed weapons technology owned by the Crusaders. As a result of the completeness of such weapons, the Muslims can defend Islamic territory from the invasion of the Crusaders. In addition, the Muslim army under the leadership of Sultan Salah al-Din had successfully recaptured the Bayt al-Maqdis.

Key Words: Technology, Private Armament, Military History of Islam, Saladin

Cite This Article:

Noorsafuan Che Noh, Ezad Azraai Jamsari, Mohd Borhanuddin Zakaria, Roslan Ab Rahman & Abdul Qahhar Ibrahim. 2019. Teknologi persenjataan persendirian dalam sejarah ketenteraan Islam era Ayyubi. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)* 1(4): 46-57.

PENGENALAN

Dalam satu peperangan atau pertempuran, selain dari semangat dan taktik bertempur, kelengkapan persenjataan memainkan peranan yang sangat besar. Tanpa dilengkapi teknologi persenjataan yang memadai, jumlah tentera yang ramai tidak memberi apa-apa makna. Kelengkapan persenjataan bagi tentera Ayyubi merupakan satu perkara yang wajib. Setiap tentera yang berperang diwajibkan mempunyai senjata dan peralatan yang lengkap mengikut kepakaran masing-masing. Kelengkapan persenjataan pada era Ayyubi terbahagi kepada beberapa bahagian, antaranya senjata bagi kegunaan peribadi. Senjata ini biasanya dikategorikan sebagai senjata ringan (*light weapon*) dan mampu dibawa bersama-sama serta ke mana-mana.

SEJARAH RINGKAS SULTAN SALAH AL-DIN AL-AYYUBI

Salah al-Din Yusuf bin Ayyub atau nama sebenarnya al-Malik al-Nasir I Yusuf b. Najm al-Din Ayyub b. Shadhi Abu al-Muzaffar Salah al-Din. Di Eropah beliau dikenali sebagai Saladin. Salah al-Din al-Ayyubi berasal dari keturunan al-Ayyubi yang merupakan sebuah keluarga berbangsa Kurdi (Ulwan 1999: 1). Keluarganya mempunyai kemuliaan dan kedudukan yang tinggi dalam masyarakat berbangsa Kurdi. Keluarga ini berjaya memerintah Mesir dan Sham dan lebih dikenali di dalam sejarahnya dengan nama kerajaan Bani Ayyub atau dalam bahasa Inggerisnya disebut *The Ayyubids* (Bostworth 2004: 70). Keluarga ini dinisbahkan kepada sebuah kabilah Kurdi, yang dianggap mempunyai keturunan dan keluarga yang mulia. Kabilah ini dikenali dengan nama Rawwadiyah dari suku Hazyaniah dan merupakan kabilah Kurdi paling besar. Berdasarkan dari keluarga mempunyai keturunan yang mulia ini, beliau dilahirkan pada tahun 532H bersamaan 1137M (Ibn Shadad 1964: 6). Tempat lahirnya ialah di kota Takrit.

Bagi mendalami pengetahuan mengenai Salah al-Din al-Ayyubi tidak lengkap tanpa menceritakan mengenai asal usul ayahnya dan bapa saudaranya, kerana kedua-dua individu ini memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk keperibadian Salah al-Din di kemudian harinya. Pada asalnya ayah Salah al-Din, Ayyub b. Shazi dan adiknya Shirkuh Asad al-Din berkhidmat sebagai polis biasa di bandar Takrit. Kemudian Ayyub b. Shazi dinaikkan pangkat sebagai ketua polis di kota Takrit dan adiknya Shirkuh Asad al-Din b. Shazi dilantik sebagai timbalan ketua polis. Jawatan kedua beradik ini menyerupai pemerintah Takrit dalam erti kata yang sebenarnya. Setelah beberapa lama berkhidmat sebagai penguasa Takrit satu

peristiwa dahsyat telah berlaku kepada kedua-dua beradik ini. Peristiwa itu berlaku pada tahun 1137M. Pengkaji berpendapat Lyon & Pritchett (1982: 3) telah melakukan kesalahan dengan mengatakan peristiwa ini berlaku dalam tahun 1138M, yang mana Shirkuh telah membunuh salah seorang pengawal keselamatan di kota Takrit yang cuba mengganggu kehormatan seorang gadis. Shirkuh membunuh pengawal tersebut demi menjaga kehormatan dan maruah gadis terbabit, yang meminta pertolongan daripadanya. Berikutan kejadian ini Bahruz berada dalam keadaan dilema, sama ada mengekalkan Shirkuh di kota Takrit atau memerintahkannya supaya meninggalkan kota itu. Bahruz bimbang jika ia mengekalkan Shirkuh dan saudaranya itu menjadi penguasa Takrit, pengawal-pengawal lain akan membalas dendam. Tidak ada cara lain untuk mengatasi masalah ini kecuali menyuruh Najm al-Din dan saudaranya itu meninggalkan kota Takrit. Pada masa yang sama itulah Salah al-Din dilahirkan. Memandangkan Salah al-Din dilahirkan pada masa yang tidak begitu tepat, ia telah mendatangkan rasa tidak senang dalam diri ayahnya, sehinggakan Ayyub b. Shazi bertindak hendak membunuh Salah al-Din kerana beliau menganggap bahawa bayi ini membawa nasib yang buruk. Tetapi salah seorang dari pengikutnya menasihatkan supaya melupakan hasrat tersebut dan mengatakan bahawa perbuatan itu adalah sia-sia.

Setelah peristiwa itu Najm al-Din Ayyub dan saudaranya Shirkuh meninggalkan Takrit menuju ke Mawsul. Di sini keduanya berkhidmat dengan Imad al-Din Zanki yang mengalu-alukan kedatangan mereka, malah memberi berbagai hadiah dan layanan istimewa kepada keduanya. Sambutan hangat dan kemuliaan yang diberikan oleh Imad al-Din Zanki ini disebabkan tindakan Najm al-Din dan saudaranya Shirkuh menyelamatkan Imad al-Din Zanki dari dibunuh dan menjadi tawanan kerajaan bani Saljuk. Peristiwa ini berlaku pada tahun 1132M dan serangan yang dilakukan oleh Imad al-Din Zanki menatijahkan beliau mengalami kekalahan teruk di hadapan tentera bani Saljuk. Ketika mengundurkan diri ke Mawsul, Imad al-Din melalui kota Takrit. Nyawa beliau dan bala tenteranya berada di tangan penguasa kota Takrit iaitu Najm al-Din dan saudaranya Shirkuh. Jika Najm al-Din mahu ia boleh membunuh kesemua bala tentera Imad al-Din Zanki, namun ia lebih suka memberi layanan yang baik kepada musuh kerajaan bani Saljuk itu, dan memberikan bantuan-bantuan yang perlu sehingga akhirnya Imad al-Din Zanki selamat sampai di Mawsul ('Ashur 1965: 67).

Layanan dan akhlak yang baik ini rupa-rupanya telah mendatangkan natijah yang baik dalam membina kerajaan bani Ayyub dan menegakkan kemuliaan Islam di kemudian hari oleh Salah al-Din Al-Ayyubi. Sebagai membalas jasa keduanya Imad al-Din Zanki telah memberi sambutan yang meriah kepada mereka. Selain itu Imad al-Din juga menghadihkan sebidang tanah supaya mereka dapat hidup dengan selesa di Mawsul. Najm al-Din dan saudaranya berserta Salah al-Din tinggal bersama Imad al-Din Zanki di bawah layanan yang cukup istimewa dan penuh kemuliaan, malah Imad al-Din Zanki melantik Najm al-Din dan Shirkuh sebagai ketua angkatan tentera. Ini bermakna Najm al-Din sebagai ketua dan adiknya sebagai penolong ketua segala urusan bersangkutan ketenteraan. Jawatan sebagai ketua tentera ini telah memberi peluang kepada Najm al-Din dan Shirkuh memperluaskan wilayah kerajaan Zanki. Antara jasa kedua-dua beradik ini ialah menawan kota Ba'albak pada tahun 534H. Bagi mengenang jasa, Imad al-Din Zanki telah melantik Najm al-Din sebagai gabenor di kota Ba'albak (Beha Ed-Din 2007: 4). Pelantikan ini menunjukkan betapa erat dan ikhlasnya hubungan antara Imad al-Din Zanki dengan Najm al-Din al-Ayyub.

Salah al-Din menghabiskan zaman kanak-kanak dan dewasanya di Ba'albak. Inilah tahun-tahun yang paling bahagia bagi Salah al-Din. Salah al-Din dibesarkan dengan penuh semangat keberanian dan kepahlawanan. Beliau dilatih menghadapi peperangan dan jihad, mempraktikkan siasah negara dan segala urusan yang berkaitan. Masa-masa yang dihabiskan oleh Salah al-Din di Dimashq (Ba'albak) setelah kota itu jatuh ke tangan Nur al-Din bin Imad al-Din Zanki, adalah hari-hari yang paling cemerlang dalam hidupnya. Di sinilah keperibadian dan bakat beliau menonjol sehingga menerima pujian dan sanjungan dari masyarakat, malah beliau mempunyai kedudukan yang lebih tinggi dari anak pemerintah Dimashq sendiri.

Salah al-Din muncul di tengah-tengah masyarakat sebagai seorang pemuda yang tenang, beradab dan kuat pegangan agamanya (Beha Ed-Din 2007: 5). Salah al-Din menghabiskan hampir sebahagian besar masa remajanya di Ba'albak. Sudah pasti beliau tidak melepaskan peluang untuk mengunjungi pusat-pusat ilmu pengetahuan untuk mempelajari cara-cara membaca, menulis, menghafaz al-Qur'an dan mempelajari prinsip-prinsip dan tatabahasa bahasa Arab dari ulama-ulama yang ada di situ, sebagaimana yang dilakukan oleh kanak-kanak lain (Lane Poole 1978: 67). Salah al-Din menuntut ilmu hadith dari Hafiz Abu Tahir al-Salafi, Abi Tahir bin 'Auf, Shaykh Qutb al-Din dan 'Abd Allah bin Bari al-Nahwi. Beliau juga menghafaz kitab *al-Tanbih* mengenai ilmu fiqh dan meminati syair dan kesusasteraan (Beha Ed-Din 2007: 9).

Semangatnya untuk membela Islam dan kaum Muslimin berkobar-kobar di dalam jiwanya. Ini sedikit sebanyak berpunca dari pengaruh Nur al-Din Zanki sendiri yang pada masa itu adalah seorang yang mempunyai akhlak yang mulia dan telah memberikan Salah al-Din kedudukan yang istimewa di sampingnya. Selain itu beliau juga mengikuti ajaran tarekat yang banyak tersebar pada masa tersebut. Kebanyakan pendidikan yang terdapat di sana semuanya diisi dengan seruan jihad, anak muda diasuh supaya menegakkan kalimah Allah (s.w.t.), mempertahankan dan membebaskan wilayah Islam dari golongan *kuffar* (Kilani 1998: 25). Di antara jawatan yang disandang oleh Salah al-Din sewaktu di Dimashq ialah sebagai ketua polis Dimashq. Salah al-Din telah melaksanakan tugasnya dengan baik dan berjaya membersihkan bandar Dimashq dari pencuri dan penceroboh. Keamanan dan kestabilan menyelubungi seluruh bumi Sham. Rakyat merasa diri dan harta mereka aman dan mereka dapat menjalani kehidupan seharian dengan selesa.

Setelah meningkat remaja beliau dan bapa saudaranya Shirkuh telah pergi ke Mesir bagi mempertahankan wilayah tersebut daripada jatuh ke tangan tentera Salib. Ini merupakan pengalaman kali pertama Salah al-Din menyertai ekspedisi ketenteraan. Wilayah Mesir kemudiannya dapat ditawan dan Asad al-Din Shirkuh dilantik menjadi menteri bagi pihak kerajaan Fatimiyyah, tetapi sayangnya pemerintahannya tidak lama, hanya dua bulan sahaja. Beliau meninggal dunia pada bulan Jamadil Thani tahun 564H bersamaan Mac 1169M. Salah al-Din berkabung kerana kematian bapa saudaranya itu selama tiga hari. Sementara itu, khalifah Fatimiyyah mula memikirkan untuk memilih Salah al-Din sebagai menterinya. Beliau telah membuat keputusan untuk melantik Salah al-Din sebagai menterinya sebagai menggantikan Asad al-Din Shirkuh, walaupun umur Salah al-Din pada masa itu terlalu muda iaitu sekitar 31 tahun dan masih ramai panglima-panglima agung yang lain yang turut serta dalam barisan tentera Sham ('Ashur 1965: 81).

Menurut Ibn Shadad (1964: 40), sebab pemilihan ini ialah khalifah Fatimiyyah bermaksud ingin mengawal Salah al-Din dan menjadikan beliau orang suruhannya, tetapi

keadaan tidak menyebelahnya bahkan bertentangan dengan tujuan yang asal. Khalifah al-‘Adid Fatimi berpendapat bahawa Salah al-Din masih muda dan merupakan pemimpin yang paling lemah berbanding Amir-amir yang lain. Selain itu khalifah juga berpendapat Salah al-Din tidak mempunyai tentera sendiri atau pengikut (Lev 1999: 49). Pendapat ini juga disokong oleh sejarawan Ibn Athir (2003, 10:12) dengan memperincikan jumlah amir yang berebut untuk menjawat jawatan tersebut. Sesungguhnya Salah al-Din dilantik menjadi menteri kerajaan Fatimiyyah ketika berumur 31 tahun dan beliau telah terlatih dalam beberapa peperangan dan mencedok pengalaman yang berharga ketika bersama bapa saudaranya Asad al-Din Shirkuh. Selain daripada berpengalaman dalam selok-belok perang beliau juga mahir dalam bidang pentadbiran. Inilah yang menyebabkan kedudukannya begitu cemerlang. Salah al-Din seorang menteri yang baik. Beliau berjaya mengambil hati rakyat Mesir supaya tidak berpakat dengan amir-amir yang lain menentanginya. Beliau memberikan bantuan yang melimpah ruah kepada rakyat dan berurusan dengan mereka dengan lembut dan penuh toleransi, menyebabkan beliau sangat disukai dan dikasihi oleh rakyat jelata. Di antara faktor yang meningkatkan lagi kemasyhurannya ialah kejayaan beliau mengalahkan tentera salib Perancis yang menyerang Dimyat dan Ghizzah serta kejayaan beliau menguasai bandar Aqabah.

Walaupun Salah al-Din menjadi perdana menteri bagi pihak Kerajaan Fatimiyyah, namun perhubungannya dengan pemerintah Sham iaitu Keluarga Zanki masih lagi terus erat. Kedua-dua belah pihak ini saling hormat-menghormati dan saling bertukar hadiah serta kunjung mengunjungi. Tetapi setelah Nur al-Din al-Zanki meninggal dunia pada tahun 569H bersamaan 1173M, tempat beliau diganti oleh anaknya al-Salih Ismail yang pada masa itu baru sahaja berumur 11 tahun. Bagaimanapun orang yang bertanggungjawab memegang pentadbiran yang sebenarnya ialah memegang amanah yang dilantik oleh Nur al-Din di masa hayatnya iaitu Shams al-Din bin al-Miqdam. Amir-amir yang dilantik oleh Nur al-Din pada masa hidupnya berebut-rebut untuk menjadi pemerintah Sham. Setiap mereka berusaha melemahkan pesaing masing-masing. al-Salih Isma‘il pula tidak tahu apa-apa tentang urusan pentadbiran negara, malah ia menjadi bahan permainan para amir yang berlumba-lumba untuk mendapat teraju kepimpinan negara dan merealisasikan cita-cita peribadi mereka. Sehubungan dengan itu keadaan wilayah Sham pada masa tersebut kucar-kacir dan tidak stabil. Memandangkan keadaan perpecahan ini akan menyebabkan tentera Salib mengambil peluang untuk menyerang negara Islam maka Salah al-Din bertindak menawan Sham dan menyatukan umat Islam di bawah satu kepimpinan. Apabila kedudukan beliau sudah benar-benar stabil dan utuh, beliau mula menerangkan kepada rakyat yang kedatangan beliau ke situ bukan untuk kepentingan dirinya sebaliknya untuk membantu anak tuannya al-Salih Ismail. Salah al-Din pernah menegaskan dalam ucapannya: “Ketahuilah, saya tidak pernah datang ke Sham dengan tujuan lain, sebaliknya bertujuan menyatukan umat Islam, membetulkan segala urusan, mengawasi masyarakat umum, menutup lubang-lubang yang boleh digunakan oleh musuh Islam, mendidik anak Nur al-Din dan akhir sekali membendung pencerobohan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab” (‘Ashur 1965: 146).

Bertitik tolak daripada penguasaan ke atas wilayah Mesir dan Sham, Salah al-Din telah giat menggerakkan rakyat mempertahankan Islam daripada pencerobohan tentera Salib. Selain daripada Mesir dan Sham banyak lagi wilayah yang disatukan oleh Salah al-Din iaitu merangkumi Utara Iraq, Kurdistan, Sham, Yaman, Mesir, Maghribi, dan pantai Utara Afrika. Dengan penyatuan ini tentera Islam di bawah kepimpinan Salah al-Din banyak mencapai

kemenangan. Antara peperangan yang menghasilkan natijah yang besar kepada perkembangan Islam ialah peperangan Hittin yang berlaku pada tahun 583H. Dalam peperangan inilah tentera Salib dijemu dengan kepanasan yang melampau dan ditambah lagi bekalan air disekat serta kemuncaknya tentera Islam telah menyalakan api mengelilingi tentera musuh. Peperangan ini telah mengajar tentera Salib erti kekalahan dan padah daripada kebiadapan menghina Islam (Lamb 1931: 68). Daripada kemenangan Hittin ini, ia telah membuka jalan seluas-luasnya kepada Salah al-Din al-Ayyubi menawan sekali gus membuka Bayt al-Maqdis buat kali kedua. Maka pada tahun yang sama juga kota suci Bayt al-Maqdis juga dan kiblat pertama umat Islam telah kembali ke tangan Islam. Sepanjang hampir seratus tahun kota ini berada dalam genggaman tentera Kristian, pelbagai kerosakan berlaku. Malah penganut Islam dan bangsa Yahudi diperlakukan dengan sangat kejam.

Selepas berjaya membuka kota Bayt al-Maqdis pada tahun 583H, seluruh umat Islam di dunia pada masa itu mengucapkan syukur kepada Allah dan mereka mengucapkan tahniah kepada Sultan Salah al-Din serta menyatakan penghargaan mereka yang tidak terhingga di atas kejayaan beliau mengembalikan semula kota suci tersebut ke pangkuan umat Islam.

PERSENJATAAN PERIBADI ATAU RINGAN

a. Pedang (al-Sayf)

pedang merupakan senjata yang paling popular di kalangan tentera Ayyubi. Ia paling banyak digunakan dalam peperangan. Dikatakan setiap tentera mempunyai alatan senjata ini, walaupun tentera tersebut ditugaskan sebagai tentera pemanah atau berkuda. Pedang merupakan senjata yang paling mudah dikendalikan. Keberkesanan penggunaan senjata ini terletak kepada penggunaannya sama ada kekuatan tangan atau kelincahan mengayunkan pedang. Keberkesanan senjata ini juga terletak kepada kepakaran seseorang mencari dan menghalakan mata pedang terhadap lawan.

Terdapat dua jenis pedang yang banyak digunakan oleh tentera Islam khasnya tentera Ayyubi, iaitu pedang yang mempunyai satu mata atau dua mata. Pedang ini biasanya berbentuk melengkung. Manakala pedang jenis kedua pula berbentuk lurus dan mempunyai dua mata. Pedang jenis pertama lebih ringan, nipis dan tajam. Sarungnya diperbuat daripada kulit binatang dan biasanya disediakan tali supaya dapat disangkut di bahu atau diikat di pinggang. Pada pandangan pengkaji pedang jenis ini banyak digunakan oleh tentera berbangsa Arab. Manakala menurut Joshua (1972: 129) pula pedang berbentuk lurus lebih banyak digunakan pada ketika itu berbanding dengan pedang yang berbentuk melengkung. Pendapat ini mungkin betul kerana mungkin tentera pada masa itu terpengaruh dengan penggunaan pedang yang diguna pakai oleh tentera Salib, dan juga dari harta rampasan perang. Sebilah pedang terdiri daripada beberapa bahagian, iaitu:

1. *Qa'im al-sayf/al-Maqbid*: hulu pedang, biasanya mempunyai kepala atau hujung berbentuk bola (*saylan*).
2. *al-Nasl al-sayf*: iaitu badan pedang keseluruhannya, ia juga dikenali bilah pedang yang mempunyai satu sisi yang tajam, melengkung sepanjang satu dentangan tangan yang mempunyai ukuran sekitar 22 cm (Hill & Ahmad 1986: 125) ke bahagian hujungnya.

tetapi bagi pengkaji mungkin ukuran itu 22 inci dan bukan 22 cm, mungkin penulis tersalah menulisnya.

3. *al-Midrab*: bahagian yang melengkung disebut dada, kerana bahagian ini yang digunakan ketika menyerang lawan.
4. *al-Matn*: Bahagian belakang atau punggung, kadang-kadang sedikit melengkung ke arah *al-Midrab*.
5. *al-Kulab*: Pembahagi di antara *al-Nasl* dengan dengan *Qa'im al-sayf*.
6. *al-Kalban*: Pengikat hulu pedang, seumpama skru pada zaman sekarang.
7. *al-Shafrah*: Mata pedang.
8. *al-Dhu'abat*: hujung pedang.

Menurut Joshua (1972: 129) lagi pada zaman Salah al-Din al-Ayyubi, beliau mengambil berat tentang perusahaan membuat pedang dengan tujuan supaya bekalan senjata tersebut tidak berkurangan. Dikatakan usaha beliau membangunkan secara bersungguh-sungguh sehinggakan perkembangan perusahaan tersebut mencapai ke kemuncaknya pada zamannya.

b. Busur (al-Qus)

Busur juga merupakan senjata yang popular juga di kalangan tentera Ayyubi dan Islam. Tetapi bukan semua tentera mempunyai senjata ini. Hanya mereka yang cekap menggunakan sahaja yang memilikinya dan berpeluang untuk menggunakan dalam peperangan. Menurut Adibahwati (1987: 59) sejak kecil lagi mereka diajar dan diasuh supaya cekap menggunakan alatan memanah. Ia berfungsi seperti lembing kecil yang dapat disasarkan sama ada dalam jarak dekat atau jauh. Biasanya penggunaan senjata ini banyak digunakan oleh unit tentera pejalan kaki sahaja. Tetapi menurut Smail (1956: 82) terdapat juga tentera berkuda yang menggunakan senjata ini sambil menunggang kuda. Kemahiran ini hanya dikuasai oleh tentera berbangsa Turki sahaja, mereka dikatakan dapat memanah dan mengenakan sasaran walaupun sambil menunggang kuda yang sedang bergerak pantas. Busur atau panah mempunyai sejarah yang panjang dan telah dikenali sejak zaman Mesir kuno lagi. Busur atau panah terdiri daripada bahan-bahan berikut:

1. *al-Badn*: merupakan keseluruhan busur tersebut
2. *al-Miqbid*: tempat diletakkan tangan kiri yang berada di tengah-tengah al-badn.
3. *al-Siyyah*: bahagian hujung busur, biasanya berbentuk sedikit melengkung bagi memudahkan mengikat tali busur tersebut.
4. *al-Qab*: bahagian yang terletak di antara al-Miqbid dan al-Siyyah.
5. *al-Watr*: tali busur, biasanya diperbuat daripada sutera.
6. *al-Furdah*: tempat mengikat tali busur dan ikatan.
7. *al-Zufr*: bahagian baki selepas diikat tali busur, ia terletak di hujung sekali.
8. *al-Himalah*: cara memegang busur.

Senjata ini mempunyai jarak jangkauan lebih dari 500 meter, dan ia dapat menembus baju besi dari jarak 150 meter. Ia merupakan senjata yang paling berkesan dan boleh diumpamakan seperti senjata api pada masa sekarang. Cuma bezanya senjata api mengeluarkan

bunyi yang bising (jika tidak dipasang pengudap bunyi) manakala panah pula tidak mengeluarkan bunyi. Oleh sebab itu panah amat sesuai digunakan bagi serangan hendap.

c. Anak Panah (al-Sahm)

Ia merupakan peluru bagi busur, biasanya anak panah ini diperbuat daripada buluh atau kayu. Bahan yang pertama iaitu buluh lebih disukai. Sebatang anak panah terdiri daripada bahagian berikut:

1. *al-Qadh*: badan atau batang anak panah keseluruhannya, biasanya diperbuat daripada buluh atau kayu yang ringan dan kecil yang diambil dari ranting yang panjang.
2. *al-Nasl*: mata anak panah, biasanya diperbuat daripada besi. Berbentuk runcing seperti mata lembing.
3. *Sinkh al-Nasl*: bahagian bawah mata anak panah, berbentuk silinder atau leper bagi memudahkan untuk memasukan serta melekatkan al-Nasl dan ditempa sekali dengan mata panah.
4. *al-Ru'az*: lubang bagi memasukan al-Nasl (kayu atau buluh)
5. *al-'Aqb*: tali kulit yang digunakan untuk mengikat mata anak panah dengan batang anak panah.
6. *al-Fuq*: bahagian belakang anak panah, berbentuk sedikit melengkung bagi memudahkan meletakkan anak panah ke tali panah.
7. *zinmata al-Fuq*: bahagian belakang anak panah keseluruhan.
8. *al-Sharijah*: pengikat bulu anak panah dengan batang anak panah, ia juga berperanan sebagai pengadang di antara bulu dengan batang.
9. *al-Rish*: bulu burung yang diikat di sisi bawah anak panah. Bulu burung berperanan sebagai pengimbang dan pengemudi bagi anak panah ('Aun 1961: 139).

Manakala tempat untuk menyimpan panah pula dinamakan al-ja'aba, ia biasanya diperbuat daripada kulit yang bentuknya seperti silinder dan mempunyai tali bagi menggantungkannya di bahu. Dalam peperangan biasanya anak panah ini digunakan dengan menyapu racun dan menjadikannya senjata yang paling berbahaya. Ini kerana walaupun anak panah itu tidak mengena sasaran yang tepat seperti di jantung atau kepala, namun jika terkena pada bahagian yang tidak penting, ataupun hanya tergores namun ia boleh membawa kepada maut. Selain itu mata anak panah ini juga dicelup dengan al-naft/minyak dan kemudian semasa hendak dilepaskan ianya dibakar. Cara ini berkesan untuk membakar pertahanan musuh yang diperbuat daripada kayu atau bahan yang mudah terbakar. Ia juga digunakan membakar pakaian musuh.

d. Belantan atau penukul (al-Nabut, al-'Amud dan al-Dabus)

Senjata belantan ini biasanya digunakan bagi membantai musuh. Ia diperbuat daripada bahan yang berat sama ada daripada kayu berat atau pun besi padu. Ia biasanya digunakan oleh tentera berkuda. Senjata ini amat berkesan sekali digunakan oleh tentera berkuda kerana ia menggabungkan antara faktor kepantasan dan berat, dan ia akan menghasilkan satu momentum yang boleh mencederakan atau membunuh musuh. Belantan ini biasanya dipukul di kepala

tentera musuh. Walaupun tentera musuh dilindungi oleh topi besi namun pukulan belantan ini akan mengakibatkan kecederaan dalaman yang serius.

Menurut Hussin (1986: 275) belantan ini boleh dibahagikan kepada beberapa jenis, jenis pertama dinamakan dengan al-Nabut, bahan utama untuk membuat senjata ini ialah hanya kayu yang berat dan keras. Ia biasanya tidak mudah patah dan pecah walaupun dipukul atas besi. Manakala belantan jenis kedua pula dinamakan al-'Amud. Bahan utama bagi membuat belantan ini ialah besi seratus peratus tanpa dicampuri dengan bahan lain. Ia biasanya berbentuk silinder atau bulat diujungnya. Ia sesuai digunakan untuk merempuh musuh dan memporak-perandakan kumpulan musuh. Belantan akan diayun sesuka hati terhadap musuh sambil menunggang kuda. Belantan jenis ketiga pula dinamakan al-Dabus. Senjata ini merupakan gabungan antara al-Nabut dengan al-'Amud. Bahan utama bagi membuat belantan jenis ini ialah menggunakan kayu dan besi. Biasanya pemegang dibuat daripada kayu dan mata atau kepalanya diperbuat daripada besi yang berbentuk empat segi. Namun mengikut Adibahwati (1999: 58) ketiga-tiga nama tersebut adalah untuk alat yang sama Cuma nama sahaja yang berbeza.

e. **Lembing (*al-Ramh*)**

Lembing merupakan senjata kuno yang berasal dari Greek. Ia banyak digunakan oleh penduduk Mesir kuno dan bangsa lain pada masa lampau. Ia juga merupakan senjata yang popular di kalangan bangsa Arab sejak sebelum kedatangan Islam lagi. Pada zaman Ayyubi ramai di kalangan tenteranya menggunakan senjata ini. Biasanya bangsa Arab membuat lembing ini daripada batang kayu yang diambil dari pokok yang terdapat di sekeliling mereka. Namun selepas itu mereka mula menggunakan buluh runcing. Pada mulanya mereka hanya menggunakan lembing ini tanpa meletakan pisau pada hujungnya. Lembing itu hanya ditajamkan pada hujungnya dengan memotong secara serong (Hussin 1986: 268).

Menurut Adibahwati (1999: 59) antara keistimewaan lembing adalah ia dapat dilempar hingga jarak sejauh empat hingga tujuh hasta dan tepat mengenai sasaran. Senjata ini boleh digunakan sama ada oleh tentera berjalan kaki atau tentera berkuda. Menurut beliau lagi lembing yang digunakan oleh tentera berkuda adalah lebih ringan dan lembing tentera berjalan kaki lebih ringan.

Menurut Hill & Ahmad (1965: 125) tombak banyak digunakan oleh tentera Islam berbanding dengan pedang, ini kerana pedang dikatakan lebih mahal, tetapi lembing lebih murah kerana ia dapat dibuat dengan hanya memasang kepala lembing yang diperbuat dari besi pada sebuah tongkat dari batang kayu. Manakala terdapat juga lembing yang diperbuat daripada kayu yang bermutu tinggi dan dipasang dari besi yang berasal dari Damshiq, ia lebih mahal dan berada di luar kemampuan bagi tentera biasa untuk membelinya. Menurut beliau lagi terdapat pelbagai jenis lembing yang berbeza ukuran panjangnya. Lembing yang paling pendek tidak melebihi 2 meter, sementara lembing yang paling panjang pula mencecah ukuran panjangnya sehingga 7 meter atau lebih.

Terdapat tiga jenis lembing yang digunakan oleh tentera Ayyubi, ia lebih dikenali sebagai *al-Rumh*, *al-Mizraq* dan *al-Harb*. Lembing jenis *al-Harb* mempunyai mata lembing yang lebih panjang dan pemegangnya lebih pendek, ia berbentuk kon. Ia banyak digunakan

oleh tentera berkuda. Cara untuk menggunakannya ialah penunggang kuda akan memegang lembing dengan sebelah tangan dan sebelah lagi tangan memegang tali kengkang kuda. Ia dihalakan ke hadapan sambil memacu laju kuda tersebut dan menghadap tentera berkuda musuh. Ia seumpama lawan pedang dan tidak boleh dilontar sebagaimana lembing biasa. Penggunaan lembing jenis ini memerlukan kecekapan, kepantasan dan kecerdikan mencari kelemahan lawan. Manakala lembing jenis *al-Harb* dan *al-Mizraq* pula adalah lembing yang biasa digunakan oleh tentera berjalan kaki. Lembing ini sangat berbeza dengan lembing *al-Rumh* tadi, perbezaannya ialah mata lembing sangat pendek dan pemegangnya panjang dan ianya biasa digunakan dengan cara melontar ke arah sasaran (Elgood 1979: 163). Biasanya sebatang lembing sama ada ia jenis *al-Rumh*, *al-Mizraq* atau *al-Harb* ia terdiri daripada bahagian-bahagian yang berikut:

1. *al-Matn* atau *al-'Amil*: badan lembing keseluruhannya daripada bahagian atas sehingga bahagian bawahnya. Ia juga boleh diberi makna sebagai *al-Nasl*.
2. *al-Ka'ub*: ikatan tambahan yang menjadi aksesori kepada lembing
3. *al-Zujj*: kepingan besi yang terletak di hujung belakang ia membantu untuk memacak ke atas tanah dan juga mencucuk ketika keadaan memerlukan dalam peperangan.
4. *al-'Aliyyah*: satu bahagian di belah atas dan terletak di bawah batang dan dinamakan sebagai bahagian tengah atau badan lembing.
5. *al-Sinan*: bahagian yang terletak bahagian hujung atas (mata) digunakan untuk menikam. Pada permulaannya ia diambil dari lembu liar.
6. *al-Tha'labah*: bahagian yang terletak di bawah mata lembing, berbentuk selinder bagi memudahkan memasukan batang lembing.
7. *al-Zubbah*: mata lembing yang paling tajam.

f. **Kapak (*al-Fa'su*)**

Peralatan senjata seterusnya ialah kapak atau *al-Fa'su*. Ia merupakan senjata pelbagai guna. Selain dari digunakan sebagai senjata ketika berperang ia juga digunakan untuk menebang pokok atau halangan di jalan. Biasanya ia diperbuat daripada besi dan kayu. Terdapat juga kapak yang secara keseluruhannya diperbuat menggunakan besi. Kapak ini mempunyai pelbagai jenis. Ada kapak yang mempunyai mata yang besar dan matanya berbentuk bulan sabit di bahagian bawah dan bahagian atas mempunyai satu muncung yang tajam. Terdapat juga kapak yang mempunyai dua mata.

Selain itu terdapat juga sejenis kapak yang mempunyai hulu yang panjang sehingga panjangnya jika diukur setinggi manusia. Biasanya apabila kapak jenis ini diayun ke arah musuh, jarang yang dapat menahan kerana badannya yang berat dan mempunyai momentum yang kuat. Selain itu terdapat juga sejenis kapak yang berbentuk kecil yang saiznya hanya sebesar tapak tangan. Kapak jenis biasanya digunakan ketika kecemasan iaitu dengan cara melemparkan ke arah musuh. Kapak ini sangat tajam dan mempunyai kepala yang berat dan ketika dilemparkan ia akan berpusing-pusing. Ia biasanya disembunyikan di balik baju atau kain lilit pinggang.

g. Pisau kecil (*al-Khanjar*)

Senjata ini berbentuk seperti pisau kecil dan bentuknya sedikit melengkung seperti taring binatang. Ia boleh diibaratkan seperti badik atau lawi ayam yang banyak digunakan oleh orang Melayu. Ia biasanya disimpan dan disorok di balik baju atau diletakkan dalam kocek sahaja. Tetapi pada kebiasaannya khanjar ini akan disisipkan di belakang badan atau bahagian yang agak terlindung. Menurut 'Aun (1961: 154) senjata jenis khanjar ini biasanya digunakan oleh golongan wanita dalam peperangan, ia disembunyikan di bawah baju dan digunakan untuk mempertahankan diri. Terdapat sumber sejarah yang mengatakan bahawa sultan Salah al-Din al-Ayyubi telah membunuh ketua tentera Salib yang menjadi penguasa kota Karak iaitu Reynold the Chatillion, selepas tamat perang Hittin dengan menggunakan senjata ini. Tetapi ia tidak membunuhnya dan hanya merobek kerongkongnya. Kemudian nyawanya dihabiskan oleh tentera lain (Hussin 1986: 268).

h. Batu (*al-Maqali*)

Senjata ini merupakan senjata yang paling mudah didapati dan paling murah kosnya. Terdapat tentera yang menggunakan batu ini dengan melontarkan dengan tangan. Tetapi kemudian ia mula dilontarkan menggunakan peralatan khas yang dinamakan lastik. Alat pelontar batu ini berbentuk kayu yang mempunyai dua cabang. Kemudian ia diikat dengan tali dari sutera dan tapak bagi meletak batu itu diperbuat dari kulit.

Senjata ini biasanya digunakan oleh tentera berjalan kaki dan ia digunakan bagi serangan secara dekat. Senjata ini boleh mengakibatkan kecederaan yang serius jika terkena tetap pada sasarannya seperti terkena di kepala atau bahagian muka.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, tentera Islam pada masa tersebut khususnya tentera Ayyubi amat menitik beratkan kelengkapan persenjataan. Mereka menyedari dengan semangat dan taktik sahaja tidak mencukupi. Persenjataan yang hebat amat diperlukan bagi memastikan kemenangan dalam sesuatu peperangan. Tidak dapat dinafikan semangat dan taktik juga memainkan peranan yang sangat besar. Tetapi gabungan dari ketiga-tiga perkara tersebut boleh menghasilkan sebuah kekuatan ketenteraan yang hebat.

RUJUKAN

- 'Awn, Abd al-Rā'ūf. 1961. *al-Fannu al-ḥarb fī al-ṣadr al-Islām*. Miṣr: Dār al-Ma'rifah.
- Adibahwati Mohamad Sidek. 1999. Gerakan ketenteraan dan strategi peperangan Salah al-Din al-Ayyūbī. Projek Ilmiah. Bangi: Jabatan Pengajian Arab & Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Y. al-Hassan dan Donald R. Hill. 1986. *Islamic technology an illustrated history*. London: The Press Syndicate of The University of Cambridge.

- al-‘Asali, Bassam. 1988. *Fann al-harb al-Islami ayyam al-Hurub al-Salibiyyah*. Jil. 4. Bayrut: Dar al-Fikr.
- Elgood, R. 1979. *Islamic arms and armour*. London: London Scolar Press.
- Ḥussain Muḥammad, Muḥsin. 1986. *al-Jaysh al-Ayyūbī fī ‘ahd Ṣalāḥ al-Dīn*. Bayrūt: Mu’asasat al-Risālah.
- Joshua, P. 1972. *Militarism in the Arab society*. London: Greenwood Press.
- Smail, R. C. 1956. *Crusading warfare 1091-1193*. London: Cambridge University Press.
- ‘Ashur, Sa‘id ‘Abd al-Fatah. 1965. *al-Nasir Salah al-Din Yusuf ibn Ayyub*. Mawsu‘ah al-Misriyyah al-‘Ammah: al-Qahirah.
- Beha Ed-Din. 2007. *The Life of Saladin 1137-1193 A.D.* Terj. Adam Publisher & Distributors: New Delhi.
- Bostworth, Clifford Edmund. 2004. *The New Islamic Dynasties: A Chronological and Genealogical Manual*. (Pnyt.). Carole Hillenbrand. Edinburgh University Press: Edinburgh.
- Ibn al-Athir, ‘Izz al-Din. 2003. *Kamil fi al-tarikh*. Jil. 10. Dar al-Kitab al-‘Ilmiyyah: Bayrut.
- Ibn Shaddad, Baha’ al-Din. 1964. *al-Nawadir al-Sultaniyyah wa al-Mahasin al-Yusufiyyah aw Sirat Salah al-Din*, (Tahqiq) Jamal al-Din al-Shayyal. al-Mu’asasah al-Misriyyah al-‘Ammah, Misr.
- Kilani, Majid Irsan. 1998. *Hakaza Zuhur Jil Salah al-Din wa Hakaza ‘Adat al-Quds*. Dar al-Furqan: Amman.
- Lamb, Harold. 1931. *The Crusades: The Flame of Islam*. Thornton Butterworth Limited: London.
- Lane Poole, Stanley. 1978. *Saladin and the Fall of the Kingdom of Jerusalem*. Ams Press: New York.
- Lev, Yaacov. 1999. *Saladin in Egypt*. Brill: Boston.
- Lyon, Malcom Cameron & Pritchett, David Edward. 1982. *Saladin the politic of the Holy War*. Cambridge University Press: Cambridge.
- ‘Ulwan, ‘Abd Allah Nasih. 1999. *Pejuang Pembaharuan Salahuddin al-Ayyubi*. Terj. Darul Nu‘man: Kuala Lumpur.